

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

Garis Panduan Kursus SICW 2021 – Peserta
CIDB/BKPP/SICW/GarisPanduan/Peserta/Dec2020



GARIS PANDUAN KURSUS SICW KEPADA PESERTA

KANDUNGAN

1.	Pengenalan.....	2
2.	Kursus SICW	2
3.	Peserta	2
4.	Pusat Latihan Bertauliah.....	2
5.	Pengajar.....	2
6.	Sistem CIMS CIDB	2
7.	Carian Kursus.....	3
8.	Tempoh Kursus	3
9.	Sesi Kursus	3
10.	Pendaftaran Kursus.....	4
11.	Pertukaran Kursus.....	4
12.	Perubahan Atau Pembatalan Kursus	4
13.	Bayaran Kursus	5
14.	Kaedah Bayaran	5
15.	Lokasi Kursus	5
16.	Kehadiran	6
17.	Slip Kehadiran Kursus SICW.....	6

GARIS PANDUAN KURSUS SICW KEPADA PESERTA

1. PENGENALAN

Penerangan berkenaan garis panduan Kursus Keselamatan dan Kesihatan Pekerja di Tapak Bina (SICW) kepada peserta.

2. KURSUS SICW

Kursus SICW adalah latihan kesedaran keselamatan di tapak pembinaan yang dijalankan secara bersemuka antara peserta dan pengajar. Kursus ini dibangunkan oleh CIDB bagi meningkatkan aspek keselamatan dan kesihatan di tapak pembinaan. Di samping itu, Kursus SICW merupakan prasyarat bagi permohonan Kad Pendaftaran Personel Binaan CIDB, atau Kad Hijau CIDB.

3. PESERTA

Kursus SICW terbuka kepada warganegara Malaysia berumur 16 tahun dan ke atas, serta pekerja warga asing dengan permit sektor pembinaan.

4. PUSAT LATIHAN BERTAULIAH

Pusat Latihan Bertauliah (PLB) merujuk kepada institut latihan yang diiktiraf CIDB untuk menganjurkan kursus/ latihan. Dalam konteks ini, PLB tersebut adalah pusat latihan yang ditauliahkan oleh CIDB bagi menganjurkan kursus SICW.

5. PENGAJAR

Pengajar merujuk kepada individu yang mengajar Kursus SICW dan bernaung di bawah PLB.

6. SISTEM CIMS CIDB

- 6.1. Sistem CIMS CIDB merujuk kepada aplikasi dalam talian yang digunakan bagi membuat carian dan mendaftar Kursus SICW. Peserta dikehendaki mendaftar sebagai pengguna individu atau syarikat terlebih dahulu sebelum membuat carian Kursus SICW.
- 6.2. Pendaftaran individu atau syarikat merujuk kepada:
 - 6.2.1. Individu: Mendaftar seorang (1) peserta sahaja ke Kursus SICW.
 - 6.2.2. Syarikat: Mendaftar dua (2) atau lebih peserta ke Kursus SICW.
- 6.3. Pautan Sistem CIMS CIDB adalah seperti berikut <https://cims.cidb.gov.my/>.

7. CARIAN KURSUS

Peserta yang berminat boleh membuat carian kursus mengikut lokasi, bayaran, kaedah bayaran dan PLB di Sistem CIMS CIDB.

8. TEMPOH KURSUS

Kursus SICW dijalankan selama enam (6) jam dalam satu (1) hari, tidak termasuk waktu rehat serta makan dan minum.

9. SESI KURSUS

9.1. **Kursus SICW boleh dijalankan secara sesi terbuka atau tertutup seperti berikut:**

9.1.1. **Sesi Terbuka:**

Maklumat sesi kursus dipaparkan secara terbuka di Sistem CIMS. Pendaftaran adalah terbuka kepada semua peserta, tanpa mengira sama ada warganegara tempatan atau asing. Peserta bebas untuk memilih pendaftaran sesi tersebut.

9.1.2. **Sesi Tertutup:**

Maklumat sesi kursus dipaparkan secara tertutup di Sistem CIMS. Sesi ini hanya boleh dipohon oleh PLB. Sesi hanya dapat dilihat oleh CIDB dan PLB tersebut sahaja. Peserta tidak akan bercampur dengan warganegara asing atau peserta tempatan lain. Lazimnya, sesi tertutup dijalankan oleh sesuatu organisasi bagi kakitangan dalaman. Peserta dikehendaki menghubungi PLB bagi mengaturkan sesi Kursus SICW secara tertutup. Peserta akan diberikan kod khusus oleh PLB untuk mendaftar sesi tertutup tersebut.

10. PENDAFTARAN KURSUS

- 10.1. Setiap Kursus SICW dihadkan kepada empat puluh (40) orang peserta sahaja.
- 10.2. Pendaftaran peserta kursus adalah berdasarkan bayaran terdahulu atau *first-come-first-basis* kepada PLB. Peserta perlu melunaskan yuran pendaftaran Kursus SICW dan memaklumkan pembayaran tersebut dengan segera kepada PLB.
 - 10.2.1. Terdapat 2 status pendaftaran peserta di Sistem CIMS CIDB:
 - a) Pendaftaran Sedang Diproses:

Pendaftaran peserta belum disahkan bagi sesi Kursus SICW tersebut. Peserta mendaftar tanpa membuat bayaran kepada PLB/ PLB belum mengemaskini status no. resit.
 - b) Pendaftaran Berjaya:

Pendaftaran peserta sudah disahkan bagi sesi Kursus SICW tersebut. Peserta mendaftar dan telah membuat bayaran kepada PLB/ PLB telah mengemaskini status no. resit.
- 10.3. Peserta tidak dibenarkan mendaftar secara *walk-in* atau secara terus semasa hari kursus.

11. PERTUKARAN KURSUS

- 11.1. Peserta boleh menukar kursus tanpa had sekiranya tidak membuat bayaran kepada PLB.
- 11.2. Walau bagaimanapun, peserta tidak boleh menukar tarikh atau sesi kursus sekiranya telah membuat bayaran kepada PLB. Pertukaran sesi asal kepada sesi lain hanya boleh dibuat oleh PLB tersebut, dan terhad kepada sesi kursus lain oleh PLB yang sama.

12. PERUBAHAN ATAU PEMBATALAN KURSUS

- 12.1. Sebarang perubahan atau pembatalan kursus akan dikemaskini di sistem CIMS CIDB. PLB bertanggungjawab untuk memaklumkan mengenai sebarang perubahan atau pembatalan kursus kepada peserta dengan segera atau tidak lewat dua (2) hari sebelum tarikh kursus.
- 12.2. Perubahan ini terhad kepada:
 - 12.2.1. Pengajar dari PLB yang sama;
 - 12.2.2. Waktu kursus; atau
 - 12.2.3. Lokasi di CIDB Negeri/ Cawangan yang sama.

Nota: Dikemaskini pada 31 Disember 2020.

13. BAYARAN KURSUS

- 13.1. Semua bayaran dilakukan dalam mata wang Ringgit Malaysia sahaja.
- 13.2. Bayaran Kursus SICW bergantung kepada kadar yang dikenakan oleh PLB. Kadar bayaran ini berbeza mengikut lokasi, kemudahan premis, penyediaan makanan dan minuman serta kemudahan lain semasa kursus tersebut.
- 13.3. Paparan harga di Sistem CIMS CIDB merujuk kepada fi keseluruhan Kursus SICW. Peserta tidak perlu membuat bayaran tambahan selain daripada jumlah yang tertera di sistem CIMS CIDB.
- 13.4. Peserta perlu membuat bayaran penuh kepada PLB tiga (3) hari sebelum tarikh kursus. PLB akan mengesahkan pendaftaran peserta dengan memasukkan nombor resit pada Sistem CIMS CIDB.
- 13.5. Peserta yang berdaftar tetapi tidak membuat bayaran dianggap sebagai bukan peserta sesi kursus tersebut. Nama peserta akan dikeluarkan secara automatik dari senarai kehadiran dua (2) hari sebelum tarikh kursus. Peserta bebas untuk memilih sesi kursus lain.
- 13.6. Yuran kursus tidak akan dikembalikan kepada peserta sekiranya tidak hadir/ tidak hadir sepenuhnya semasa pelaksanaan Kursus SICW.

14. KAEDAH BAYARAN

- 14.1. Peserta dikehendaki membuat bayaran secara terus kepada PLB.
- 14.2. PLB akan meletakkan kaedah bayaran yang boleh dibuat oleh peserta di menu *Kaedah Bayaran* pada sistem CIMS. Antara opsyen bayaran oleh PLB adalah melalui:
 - 14.2.1. Bayaran tunai;
 - 14.2.2. Pemindahan wang secara dalam talian atau EFT; atau
 - 14.2.3. Lain-lain kaedah bayaran.
- 14.3. Peserta dikehendaki menyimpan salinan bayaran sebagai bukti. PLB bertanggungjawab mengeluarkan resit kepada peserta individu/ syarikat terhadap bayaran yang diterima.

15. LOKASI KURSUS

Kursus dijalankan di ruang yang sesuai dan selesa. Contohnya, bilik latihan, dewan seminar, hotel dan balai raya.

16. KEHADIRAN

- 16.1. Senarai peserta adalah berdasarkan pendaftaran yang dikemaskini oleh PLB di Sistem CIMS CIDB dan bayaran peserta kepada PLB.
- 16.2. Maklumat pengenalan diri seperti kad pengenalan atau pasport akan diminta PLB sebagai bukti pengesahan identiti semasa sesi pendaftaran kursus.
- 16.3. Peserta yang lengkap hadir dikehendaki menandatangani dua (2) kali bukti kehadiran sepanjang Kursus SICW.
- 16.4. Peserta perlu hadir dengan pakaian yang bersesuaian. PLB berhak untuk menolak peserta sekiranya hadir tanpa mengenakan pakaian yang sesuai.

17. SLIP KEHADIRAN KURSUS SICW

- 17.1. Selepas tamat kursus, peserta akan diberi Slip Kehadiran Kursus SICW oleh PLB.
- 17.2. Peserta dikehendaki menyimpan slip tersebut sebagai bukti kehadiran bagi permohonan Kad Pendaftaran Personel Binaan CIDB/ Kad Hijau CIDB.






CARTA ALIR KURSUS SICW KEPADA PESERTA

1. Permohonan Kursus SICW

PROSES



PENERANGAN

Nota: Sila abaikan Langkah 1 sekiranya telah mendaftar sebagai pengguna individu/ syarikat di sistem CIMS CIDB.


Melayari masuk ke sistem CIMS CIDB melalui laman sawang cims.cidb.gov.my.

1. Mendaftar masuk sebagai pengguna individu (peserta perseorangan) atau syarikat (peserta berkumpulan).
2. Mencari kursus SICW melalui menu Pengurusan Kompetensi >> Permohonan Kursus >> Kursus SICW dengan memilih tarikh di kalendar dan lokasi di negeri. Carian akan memaparkan Pusat Latihan Bertauliah (PLB), tarikh, waktu, lokasi yuran kursus dan kaedah bayaran.
3. Memilih kursus SICW dan melengkapkan maklumat peserta.
4. Membayar yuran kursus SICW kepada PLB dalam tempoh 3 hari sebelum tarikh kursus.
5. Menghadiri kursus SICW sehingga tamat, dan menerima 'Slip Kehadiran Kursus SICW' sebagai bukti pengesahan kehadiran.

Nota: Peserta berdaftar tidak semestinya dimasukkan dalam senarai pendaftaran. Hanya peserta yang membuat bayaran kursus dan memaklumkan maklumat bayaran tersebut kepada PLB sahaja yang dikira sebagai peserta muktamad. Senarai peserta adalah berdasarkan bayaran terawal yang dikemukakan kepada PLB.

2. Perubahan Tarikh/ Lokasi/ PLB Kursus SICW

PROSES



PENERANGAN

Melayari masuk ke **sistem CIMS CIDB** melalui laman sawang **cims.cidb.gov.my**.

1. Menyemak pendaftaran kursus yang dipilih sebelum ini.
2. Menukar Kursus SICW minimum **3 hari sebelum tarikh kursus**.
3. Menyemak sama ada peserta sudah atau belum membuat bayaran yuran kursus SICW kepada PLB.
4. A – Menukar penukaran kursus oleh peserta.
B – Menukar penukaran kursus oleh PLB. Penukaran hanya dibenarkan pada tarikh dan lokasi PLB tersebut sahaja.